

**Tarikh Dibaca: 21 DIS 2018M I 13 RABI'UL AKHIR 1440H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“ZAKAT, BERBAHAGIA DENGAN  
MEMBERI”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Mat Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## **“ZAKAT, BERBAHAGIA DENGAN MEMBERI”**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَمْحَقُ اللَّهُ الرَّبَّوْا وَيُرَبِّي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ  
لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat sekalian supaya menghayati khutbah yang bertajuk **“ZAKAT, BERBAHAGIA DENGAN MEMBERI”**.

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 276.



## Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Ibadah Zakat disyariatkan kepada umat Islam bermula pada tahun ke 2 hijrah. Ia adalah perintah Allah SWT yang akan melahirkan manusia yang prihatin terhadap kesusahan yang dihadapi sesama manusia yang lain. Ibadah zakat juga akan melahirkan sifat kasih sayang dan semangat ithar (mengutamakan saudaranya yang lain) agar nikmat Allah SWT dapat dirasakan secara bersama.

## Muslimin yang dikasihi Allah seklaian,

Sesungguhnya Allah SWT mengasihi hamba-Nya yang taat dengan dikurniakan pertambahan rezeki sebagai ganti atas harta yang dizakatkan. Penggantian yang Allah SWT janjikan pasti lebih baik. Ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah Saba' ayat 39:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَيَقْدِرُ لَهُ  
وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik pemberi rezeki."

## Hadirin sekalian,

Bagi sesiapa yang istiqamah menunaikan zakat juga, di akhirat nanti akan masuk ke dalam syurga melalui pintu istimewa yang hanya disediakan untuk golongan yang pemurah dan ikhlas berzakat. Ini dinyatakan dalam sebuah hadis dari Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



# وَمَنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الصَّدَقَةِ دُعِيَ مِنْ بَابِ الصَّدَقَةِ

*"Barangsiapa tergolong sebagai orang yang sentiasa bersedekah maka dia akan dipanggil masuk syurga melalui pintu sedekah."*

*(Riwayat al-Bukhari)*

Oleh itu, khatib menyeru kepada para jemaah yang dikasihi sekalian, dalam pada kesempatan kita berada di bulan Disember sebagai bulan terakhir bagi tahun 2018 ini, tunaikanlah zakat harta anda di Lembaga Zakat Selangor. Pastikan anda telah menyemak harta-harta yang anda miliki seperti pendapatan tahunan, pendapatan perniagaan, wang simpanan di dalam bank atau takaful, pelaburan atau saham yang halal, emas dan perak yang dipakai atau disimpan dan hasil tanaman padi yang diusahakan. Kemungkinan ada di antara harta-harta tersebut telah sempurna syarat-syarat yang mewajibkan ia dizakatkan. Semoga dengan kesungguhan dan keprihatinan kita terhadap syariat Allah SWT ini akan mengundang keberkatan, kebahagiaan dan pertambahan rezeki yang lebih banyak lagi pada masa akan datang.

## **Muslimin sidang Jumaat sekalian,**

Ingatlah! Sesiapa yang enggan berzakat sebenarnya mereka sengaja meletakkan diri mereka kepada kebinasaan di dunia dan akhirat. Ini dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"السَّخِيُّ قَرِيبٌ مِنَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْجَنَّةِ قَرِيبٌ  
مِنَ النَّاسِ بَعِيدٌ مِنَ النَّارِ، وَالْبَخِيلُ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ



بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ بَعِيدٌ مِنَ النَّاسِ قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ،  
وَالْجَاهِلُ السَّخِيُّ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ عَابِدٍ  
بَخِيلٍ"

*"Orang yang pemurah itu dekat dengan Allah, dekat dengan manusia, jauh dari api neraka. Orang bakhil itu jauh daripada Allah, jauh daripada manusia dan dekat dengan neraka. Sesungguhnya orang jahil tetapi pemurah itu lebih disayangi Allah daripada seorang abid yang bakhil."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Bahkan, sifat bakhil adalah sifat buruk yang dikeji dan dibenci oleh Allah SWT. Orang-orang bakhil dan kedekut akan dicampakkan ke dalam neraka Huthamah, iaitu neraka yang disediakan khas untuk mereka. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Humazah ayat 1 hingga 7:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ۝ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ۝  
يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ۝ كَلَّا لَيُنْبَذَنَّ فِي الْحُطَمَةِ ۝ وَمَا  
أَدْرَاكَ مَا الْحُطَمَةُ ۝ نَارُ اللَّهِ الْمَوْقِدَةُ ۝ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى  
الْأَفْئِدَةِ ۝

*"Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya. Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam "Al-Hutamah". Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia "Al-Hutamah" itu? (Al-Hutamah) ialah api Allah yang dinyalakan (dengan perintah-Nya), yang naik menjulang ke hati."*



## **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian**

Pihak Lembaga Zakat Selangor ingin merakamkan jutaan tahniah dan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan yang menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor. Untuk makluman semua, sehingga Jun 2018, jumlah umat Islam di Selangor yang menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor hanya seramai 244 ribu orang. Ini bermakna baru 24% sahaja daripada jumlah keseluruhan umat Islam di Selangor yang layak berzakat. Walau bagaimanapun, peratusan ini meningkat berbanding tahun lalu yang hanya 18% sahaja umat Islam yang menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor sepanjang tahun 2017. Oleh itu, khatib menyeru kepada sidang Jumaat sekalian, tunaikanlah kewajipan zakat harta anda agar harta kita bertambah suci dan diberkati Allah SWT.

Walaupun jumlah ini masih kecil, Lembaga Zakat Selangor tetap konsisten untuk memastikan dana zakat anda dimanfaatkan sepenuhnya untuk disalurkan kepada 8 asnaf yang berhak. Antara usaha dan sumbangan yang telah dilaksanakan ialah :

1. Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan zakat secara bulanan kepada lebih 50 ribu keluarga asnaf fakir dan miskin yang merangkumi bantuan sara hidup, persekolahan, rawatan kesihatan, rumah dan lain-lain lagi.
2. Dana zakat ini juga telah disalurkan secara bulanan kepada lebih 8,600 asnaf muallaf dalam bentuk sara hidup, perlindungan, kesihatan dan pendidikan Islam.
3. Sehingga Ogos 2018, seramai lebih 8,400 orang pelajar telah mendapat pembiayaan penuh oleh Lembaga Zakat Selangor melalui bantuan dermasiswa zakat. Bantuan tersebut melibatkan pelbagai jurusan akademik dan agama yang merangkumi pelajar di peringkat Sijil, diploma



dan ijazah di universiti tempatan termasuklah bantuan untuk para pelajar yang melanjutkan pengajian di Negara-negara Timur Tengah.

4. Pada tahun ini juga, Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan sumbangan kepada lebih 200 buah masjid dan 1,800 buah surau merangkumi sumbangan pembangunan, pengimarahkan, saguhati dan elaun bulanan kepada para imam.

5. Demi memperkukuhkan pendidikan tahfiz di Negeri Selangor, pada tahun ini, Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan sumbangan keseluruhan sebanyak lebih RM6.1 juta kepada 3,410 pelajar tahfiz dalam bentuk elaun bulanan dan juga sumbangan keseluruhan sebanyak RM680 ribu diberikan kepada 200 huffaz dibawah program Isbat hafazan sebagai menghargai para huffaz yang gigih menghafaz Al-Quran.

Sebenarnya, banyak lagi sumbangan yang telah disalurkan kepada asnaf-asnaf zakat di Negeri Selangor ini.

Oleh itu, khatib sekali lagi mengingatkan kepada sidang Jumaat sekalian, tunaikanlah zakat anda di Lembaga Zakat Selangor. Bayangkan sekiranya baki 76% lagi umat Islam yang layak berzakat menunaikan zakat di Lembaga Zakat Selangor, sudah pasti sumbangan yang lebih banyak lagi dapat di salurkan kepada seluruh umat Islam di negeri ini.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman dan panduan dalam hidup kita:

1. Zakat merupakan perintah Allah SWT yang wajib ditunaikan.
2. Allah SWT menjanjikan pelbagai ganjaran dan kelebihan di dunia dan akhirat kepada hamba-hamba-Nya yang ikhlas menunaikan ibadah zakat.





3. Jauhilah diri kita daripada sifat bakhil kerana ia akan memusnahkan masa hadapan kita di dunia dan di akhirat.

4. Tunaikanlah zakat di Lembaga Zakat Selangor agar wang zakat itu dapat dimanfaatkan untuk membela kebajikan asnaf-asnaf zakat seterusnya mengangkat martabat ummah untuk cemerlang di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ  
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ <sup>قُل</sup> وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."

(al-Hajj : 41).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ،  
تغكو أمير شاه، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس



شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ  
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*